



## KENYATAAN AKHBAR

27 September 2018

### PNB Lancar Dana Unit Amanah Baharu ASNB *ASN Equity 5 dan ASN Sara 2*

- Seiring dengan matlamatnya untuk memperluas tawaran produk unit amanah bagi memenuhi keperluan pelbagai pelabur, PNB, menerusi ASNB memperkenalkan dua dana unit amanah harga berubah baharu berdasarkan harga hadapan iaitu Amanah Saham Nasional (ASN) Equity 5 dan ASN Sara (Aset Campuran Konservatif) 2.
- Kedua-dua dana baharu disasarkan kepada pelabur yang berbeza, bagi memenuhi keperluan individu dan matlamat pelaburan yang berlainan.
- Di samping pelancaran dua dana baharu tersebut, penamaan semula dana unit amanah harga tetap ASNB juga telah diperkenalkan untuk memberi pemahaman yang lebih mudah dan jelas dengan memanfaatkan legasi kukuh jenama dana unit amanah tersebut.
- PNB juga mengumumkan pengagihan pendapatan 6.00 sen seunit untuk Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) (yang akan dinamakan semula sebagai Amanah Saham Malaysia 3 berkuat kuasa 15 Oktober 2018), dengan agihan pendapatan berjumlah RM755.0 juta, yang memberi manfaat kepada lebih 440,000 pemegang akaun yang memiliki 12.7 bilion unit.
- Meskipun berhadapan dengan situasi pasaran yang mencabar, PNB mengekalkan prestasi kewangannya bagi tempoh berakhir 31 Ogos 2018, dengan jumlah aset di bawah pengurusan meningkat sebanyak 7.3% kepada RM288.1 bilion dan pendapatan bersih pro forma yang disatukan meningkat 2.6% dari tahun lepas, kepada RM10.3 bilion.

**KUALA LUMPUR, 27 September** - Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini melancarkan dua unit amanah harga berubah baharu oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), mengumumkan penamaan semula dana berharga tetap ASNB dan mengumumkan pengagihan pendapatan untuk Amanah Saham 1Malaysia.

## **PELANCARAN DANA BAHARU ASNB**

Bagi memenuhi sebahagian daripada matlamat Kumpulan PNB untuk memperluas portfolio unit amanahnya demi memenuhi keperluan para pelabur yang sentiasa berubah, ASNB telah melancarkan dua dana harga berubah baharu berdasarkan harga hadapan iaitu ASN Equity 5 dan ASN Sara (Aset Campuran Konservatif) 2.

Dana baharu ini akan memperluas tawaran semasa produk ASNB bagi segmen harga berubah daripada enam ke lapan, meliputi kategori Pertumbuhan, Seimbang Bercampur-campur dan Konservatif Bercampur-campur, di mana setiap kategori disasarkan kepada pelabur yang berbeza bergantung kepada keperluan mengikut tahap kitaran kehidupan mereka.

ASN Equity 5 adalah dana pertumbuhan ekuiti yang dikhkususkan kepada pelabur generasi muda dengan matlamat pertumbuhan agresif dalam modal dan nilai bersih, untuk menjana tahap peningkatan modal dan pengagihan pendapatan yang munasabah melalui kepelbagaiannya portfolio pelaburan. ASN Equity 5 akan melabur 70% hingga 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam ekuiti, manakala baki NABnya akan dilaburkan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset-aset cair.

Sementara itu, ASN Sara 2 adalah dana konservatif aset bercampur-campur dikhkususkan untuk pelabur yang lebih matang dan tidak mahu mengambil risiko tetapi ingin merancang untuk menjana aliran pendapatan yang stabil dengan potensi pertumbuhan jangka panjang. Dana ini akan melabur 20% hingga 80% daripada NABnya dalam sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset-aset cair, manakala baki daripada NAB tersebut akan dilaburkan dalam ekuiti.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “pelancaran dua dana harga berubah ASNB menandakan satu lagi pencapaian besar bagi PNB dan ASNB, terutamanya kerana kali terakhir dana harga berubah dilancarkan sebelum ini adalah pada 15 tahun lalu.”

Pelancaran dana baharu ini merealisasikan teras utama Pelan Strategik ASNB iaitu untuk mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju industri unit amanah menerusi penawaran produk yang tepat kepada para pelanggannya. Memperluaskan produk-produk harga berubah ASNB akan meningkatkan potensi dalam memenuhi permintaan para pemegang unit, memandangkan dana harga tetap (tidak termasuk ASB) telah dilanggan sepenuhnya.

PNB percaya bahawa ini adalah masa yang sesuai untuk melancarkan produk-produk harga berubah kerana dana sedia ada telah mencapai saiz optimum dan dana baharu akan membolehkan ASNB menawarkan produk-produk yang lebih pelbagai di bawah setiap kategori dana bagi memenuhi keperluan pelabur. Tambahan pula, PNB menganggap ini sebagai satu peluang untuk mendidik para pelabur tentang keperluan melabur dalam dana unit amanah harga berubah, seterusnya mengurangkan kebergantungan pelabur terhadap dana unit amanah harga tetap. Pada masa yang sama, keadaan pasaran semasa juga menyediakan peluang penyertaan pada harga yang menggalakkan kepada pelabur.

Harga tawaran permulaan bagi kedua-dua ASN Equity 5 dan ASN Sara 2 adalah RM1.00 seunit sepanjang tempoh penawaran permulaan selama 21 hari iaitu mulai 24 September hingga 14 Oktober 2018. Pelaburan permulaan minimum bagi kedua-dua dana adalah RM10.00 dan pelaburan tambahan minimum adalah RM1.00. Selaras dengan penyusunan semula dana unit amanah harga berubah ASNB pada bulan Mei 2018, caj jualan untuk ASN Equity 5 akan dikenakan sehingga 5.0% daripada NAB seunit, manakala caj jualan untuk ASN Sara 2 adalah sehingga 3.5% daripada NAB seunit.

### **PENAMAAN SEMULA DANA UNIT AMANAH HARGA TETAP**

Selain daripada pelancaran dua dana unit amanah baharu, penamaan semula dana unit amanah berharga tetap ASNB telah dilaksanakan untuk memberi pemahaman yang mudah dan jelas kepada para pelabur di samping memanfaatkan legasi jenama kukuh dana tersebut.

Bermula 15 Oktober 2018, dana di bawah akan dinamakan semula seperti berikut:

<b>Nama Asal</b>	<b>Nama Baharu</b>
Amanah Saham Didik	Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik)
Amanah Saham Wawasan 2020	Amanah Saham Malaysia 2 Wawasan (ASM 2 Wawasan)
Amanah Saham 1Malaysia	Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)

**PENGAGIHAN PENDAPATAN AMANAH SAHAM 1MALAYSIA (DINAMAKAN SEMULA AMANAH SAHAM MALAYSIA 3)**

PNB juga mengumumkan pengagihan pendapatan untuk Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) (dinamakan semula Amanah Saham Malaysia 3 berkuat kuasa pada 15 Oktober 2018). AS1M merupakan dana unit amanah harga tetap ASNB kelima yang telah dilancarkan pada 5 Ogos 2009.

Pemegang akaun AS1M akan menerima pengagihan pendapatan 6.00 sen seunit, dengan agihan berjumlah RM755.0 juta akan memberi manfaat kepada lebih daripada 440,000 pemegang akaun yang memiliki 12.7 bilion unit. AS1M telah mencatatkan pendapatan bersih sebanyak RM671.6 juta.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk AS1M adalah berdasarkan purata baki minimum bulanan yang dipegang sepanjang tahun kewangan. Pembayaran agihan pendapatan AS1M akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit-unit tambahan dan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Oktober 2018.

## **PRESTASI PNB BAGI TAHUN 2018**

Meskipun berhadapan dengan situasi pasaran yang mencabar, PNB telah mengekalkan prestasi kewangan yang positif bagi tempoh berakhir 31 Ogos 2018. Jumlah aset di bawah pengurusan meningkat 7.3% kepada RM288.1 bilion berbanding tahun lalu, manakala pendapatan bersih pro forma yang disatukan meningkat 2.6% kepada RM10.3 bilion.

Menurut Tan Sri Dr. Zeti Aziz, "PNB telah mencapai prestasi yang menggalakkan, memandangkan persekitaran pasaran global dan domestik yang mencabar. PNB terus kekal berdaya saing dalam pengurusan portfolio pelaburannya. Untuk melangkah ke hadapan, PNB perlu meneroka bidang-bidang lain yang mampu menjana nilai dan memacu peluang-peluang pertumbuhan. Ini perlu dilaksanakan dengan semangat ketelusan dan keterbukaan sambil mengekalkan amalan terbaik dan tanpa menjaskan tadbir urus yang baik."

-TAMAT-

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM288.1 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan harta tanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Mengenai Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan dengan pelancaran dua Dana unit amanah yang baharu pada September 2018, kini mengurus 14 Dana unit amanah. Setakat Ogos 2018, ASNB mempunyai 231.5 bilion Unit dalam Edaran dari 13.6 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).